

SOALAN NO. 32

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN SU KEONG SIONG [
IPOH TIMOR]**

TARIKH : 1 NOVEMBER 2016

SOALAN :

YB Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara keseluruhan jumlah banduan reman yang telah disabitkan dengan hukuman mati di Malaysia pada masa kini. Apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil oleh Kerajaan Malaysia untuk melaksanakan hasrat Kerajaan untuk memansuhkan hukuman mati mandatori di Malaysia.

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan warganegara yang telah disabitkan hukuman mati mulai tahun 2011 hingga 2016 (setakat 30 September 2016) ialah seramai 372 orang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kerajaan pada masa ini melalui Jabatan Peguam Negara sedang menjalankan kajian bagi meneliti isu undang-undang, dasar dan keberkesanan pelaksanaan hukuman mati di negara ini. Kajian ini merangkumi keseluruhan peruntukan hukuman mati yang dikuatkuasakan di negara ini dan juga pelaksanaannya. Kajian ini dibuat dengan mengambil kira semua peruntukan undang-undang yang sedia ada di negara ini dan kajian perbandingan dengan peruntukan undang-undang daripada negara lain. Keputusan berhubung pelaksanaan hukuman mati di negara ini, sama ada akan dimansuhkan atau diteruskan, merupakan perkara dasar yang akan diputuskan oleh Kerajaan berdasarkan hasil kajian tersebut.

Sekian, terima kasih.